

NO. SOALAN : 49

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB. TUAN IGNATIUS DORELL LEIKING
[PENAMPANG]**

TARIKH : 25 MEI 2016

SOALAN :

YB. Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang] minta MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN menyatakan jika kenyataan Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Dalam Negeri berkenaan dengan wujudnya "Sulu Commanders" di setiap DUN Sabah telah memberikan kesan buruk atas industri pelancongan di Sabah dan dalam keadaan semasa ini adakah Pesta Perayaan Kaamatan di Sabah akan diistihar sebagai Cuti Umum di Semenanjung Malaysia

JAWAPAN : **DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ**
MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan statistik yang dikeluarkan oleh Sabah Tourism Board, jumlah ketibaan pelancong asing ke Sabah bagi tempoh Januari – Februari 2016 adalah 198,665 berbanding 163,417 bagi tempoh yang sama bagi tahun 2015 yang menunjukkan pertumbuhan yang menggalakan iaitu 21.6%. Kementerian ini akan terus memantau jumlah ketibaan pelancong ke Sabah, namun Kementerian ini yakin kenyataan ini tidak akan memberi kesan negatif kepada ketibaan pelancong ke Sabah kerana kenyataan yang dikeluarkan oleh Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Dalam Negeri adalah berdasarkan konteks keperluan pihak Keselamatan Dalam Negeri mengambil langkah-langkah pro-aktif bagi menjamin keadaan keselamatan dalam negeri Sabah dan langsung tidak menggambarkan kepada keadaan ketenteraman awam di Sabah sebagai kurang aman.

Tuan Yang di-Pertua,

Mengistiharkan Pesta Perayaan Kaamatan Sabah sebagai Cuti Umum di Semenanjung bukanlah bidang kuasa dibawah Kementerian Pelancongan.

Sekian, terima kasih.